

DATE: 16 AUGUST 2014
PUBLICATION: BERITA HARIAN
SECTION: BUSINESS SECTION
HEADLINE: REACH ENERGY EVALUATING 10 POTENTIAL ASSETS
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 312 SQ CMS

Reach Energy nilai 10 aset berpotensi

Reach Energy Bhd yang mula disenaraikan di Bursa Malaysia semalam, kini dalam proses menilai 10 aset berpotensi untuk diperoleh dalam tempoh satu hingga tiga tahun.

Pengarah Urusannya, Shahul Hamid Mohd Ismail, berkata syarikat pengambilalihan tujuan khas (SPAC) itu akan bertumpu kepada bidang hidrokarbon dalam fasa pembangunan dan pengeluaran dengan perkiraan rizab sekurang-kurangnya kategori 2P.

Kategori 2P merujuk kepada terbukti dan kemungkinan ada simpanan minyak dan gas.

Dalam tinjauan

"Kami sedang meninjau dan keutamaan adalah kepada tujuh negara berdasarkan sistem konsesi serta cukai yang menarik. Aspek geologikal juga menarik kerana Indonesia mempunyai banyak kawasan rizab dan medan yang sudah lama matang," katanya

pada sidang media sempena penyenaaran saham-saham syarikat itu, semalam.


Kedua-dua saham induk dan waran Reach Energy muncul saham paling aktif sepanjang sesi dagangan di Bursa Malaysia, dengan masing-masing menyaksikan 294.830 juta dan 556.9 juta saham bertukar.

Saham induk Reach Energy ditutup pada 70.5 sen, susut 45 sen berbanding harga rujukan 75 sen dengan mencatatkan harga tertinggi 76.5 sen dan paling rendah 69 sen.

Saham waran naik 22 sen

Saham waran pula ditutup pada 22.5 sen, naik 22 sen berbanding harga rujukan 0.5 sen, selepas didagangkan dalam jajaran 29 sen dan 21.5 sen.

Ketika dibuka, saham induk Reach Energy mencatat 72.5 sen untuk diskaun 2.5 sen dengan 11.3 juta saham diniagakan, manakala saham waran dibuka pada 28.5 sen



Shahul Hamid (kanan) menunjukkan penyenaaran Reach Energy Berhad sambil diperhatikan Pengerusi Reach Energy Berhad, Izlan Izhah (dua dari kanan) dan ahli lembaga pengarah.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF / BH]

berbanding harga rujukan 0.5 sen dengan 27.28 juta saham bertukar tangan.

Reach Energy menyasarkan mengumpul sejumlah RM779.17 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO) dengan RM710.62

juta akan digunakan bagi memperoleh syarikat atau aset yang disasarkan.

Syarikat itu merancang menggunakan RM42.54 juta sebagai modal kerja dan RM26 juta sebagai perbelanjaan penyenaaran.

FAKTA NOMBOR

294.830 juta

Saham induk dan waran Reach Energy muncul saham paling aktif